Utusan Borneo

CITRA Utusan

Frechelyna Roland Tokoh Murid 2018 SK Holy Cross, Beluran Muka B3

Muka B2

PLUMS tingkat bilangan graduan sarjana

Ukiran motif kayu

▸ Kekal warisan Rungus kepada generasi akan datang

Oleh VIVI OLVIANA NAJURUS

MELIHAT keadaan generasi sekarang yang semakin melupakan warisan budaya turun temurun dari nenek moyang, Christina Beltie mengambil inisiatif mengekalkan seni warisan itu dengan mengukir motif asli tempatan Rungus pada kayu.

Mengimbau pengalaman membabitkan diri dalam bidang seni, anak kelahiran tempatan di Pitas itu berkata beliau hanya melukis motif asli Rungus untuk rekaan tatu dan cetakan sebelum ini.

"Bermula 2016 saya mula mempelajari seni ukiran kayu bersama rakan lain dan memilih untuk mengukir motif tempatan Sabah yang lebih berkisar tentang masyarakat Rungus.

"Motif yang saya hasilkan lebih kepada ukiran alam semulajadi seperti flora berikutan masyarakat asli Sabah lebih bertumpu motif dominon kepada alam sekeliling dan itulah yang menggambarkan keunikan di sini," katanya.

Christina berkata ukiran kayu yang dihasilkan menjadi salah satu daya tarikan di Sabah berikutan masih kurang pihak yang menerapkan hasil seni asli tempatan apabila membabitkan produk tempatan.

"Kita boleh melihat banyak seni tempatan yang diolah jika berada di Sarawak contohnya, dan kita juga inginkan sesuatu yang melambangkan identiti dan keunikan suku kaum tertentu di Sabah.

"Platfom inilah yang membuatkan saya memilih seni ini dan ianya boleh ditunjukkan kepada pelancong luar," katanya.

Beliau berkata sejak menceburi seni ukiran kayu ini beliau sudah berjaya memasarkannya di negara luar iaitu Finland dengan penawaran harga bermula RM1,500 bagi 12X18 inci.

Tambahnya harga ini adalah tidak tentu dan ianya berdasarkan kepada motif, corak serta saiz yang dikehendaki oleh pelanggannya.

ANTARA hasil lukisan Airbrush yang pernah dihasilkan oleh Herman.

Bercakap tentang seni ukiran kayu bermotifkan masyarakat Rungus itu, ibu kepada tiga orang anak berkata beliau memerlukan masa hanya dua hari jika mengukir sepenuh masa untuk menyiapkannya dan dua minggu jika dibuat secara sambilan.

"Saya terkejut apabila mendapati orang ramai mula menyukai hasil seni yang diukir oleh saya sendiri kerana saya pada mulanya saya tidak yakin dengan apa yang dihasilkan.

"Selepas mengetahui orang ramai mula menghargai apa yang kita lakukan saya sangat berbangga membawa motif kaum saya sendiri dan merancang untuk mempelbagaikan lagi rekaan untuk dipasarkan merentasi Borneo," katanya.

Beliau mengakui seni ukiran kayu ini sangat mencabar pada mulanya bagaimanapun kecekalan serta dorongan dari suami tercinta sangat penting dalam kejayaannya hari ini.

"Suami saya Herman Duang yang juga seorang karyawan seni memberikan sokongan serta banyak mendorong saya membuatkan apa yang kita hasilkan menjadi lebih menarik dan dapat disiapkan dengan sempurna.

"Kini anak sulung saya berumur 11 tahun juga mula menceburkan diri dalam bidang seni dan mula menghasilkan lukisannya sendiri," katanya.

Hasil seni ukiran kayu Christina boleh didapati melalui tempahan di media sosial dan Tamparuli Living Arts Centre (TalaC) yang membuka medium perkumpulan kepada artis dan penggemar seni Sabah.

HASIL ukiran kayu yang berjaya dipasarkan di Finland.

HERMAN bersama sebuah motosikal Harley Davidson yang dicat menggunakan Airbrush.

TalaC yang terletak di Batu 22 Tamparuli Jalan Tenghilan-Tuaran dan ditubuhkan pada 2011 adalah sebuah pusat seni pelbagai yang membolehkan penggemar seni mendokumentasikan warisan budaya tempatan serta mempamerkan kreativiti serta seni tempatan masing-masing.

Sementara itu Herman berjaya memenangi pertandingan seni lukisan Airbrush anjuran dari Amerika Syarikat seterusnya melayakkan diri ke pertandingan akhir yang akan berlangsung Disember ini.

Pembuat tatu dan juga pengendali sepenuh masa di TalaC itu berjaya mengalahkan pelukis Airbrush di seluruh dunia dan bakal bertanding bersama 12 lagi pelukis lain di pertandingan akhir pada bulan ini.

Bercakap tentang seni lukisan Airbrush yang sudah dilakukan sejak tahun 2000 Herman berkata beliau sudah melukis Airbursh itu di pelbagai medium termasuklah baju, kereta, bangunan dan sebagainya.

"Saya menggunakan dakwat serta bahan utama yang didapatkan khas dari Amerika Syarikat sehingga Airbrush yang saya hasilkan boleh dilukiskan di semua permukaan kerana ianya adalah dakwat bermutu tinggi.

"Pada 2010 saya bersama empat pelukis tempatan dijemput oleh National Art Gallery ke Shanghai bagi melukis seni Airbrush di atas bumbung bangunan Kementerian Pelancongan Malaysia.

"Saya juga sudah melukis Airbrush di beberapa negara termasuklah Thailand, Vietnam, dan China selain pernah melukis Airbrush di badan sebuah motor Harley Davidson dengan harga bermula RM1,500 sehingga RM7,800," katanya.

Beliau turut membuka perkhidmatan Airbrush di semua tempat mengikut permintaan pelanggan dengan harga serendah RM200 serta perkhidmatan membuat motif tatu bermula RM150 di Orangutan Tattoo Studio.

Herman juga boleh dihubungi melalui laman sosial Facebook Herman Duang dan laman Instagram xtremekolor.

Pada 15 Disember depan TalaC akan membuka bengkel seni asas lukisan Airbrush dan seni ukiran kayu kepada orang ramai dan pendaftaran kini sudah dibuka kepada mana-mana pihak yang berminat.

HERMAN membuat Airbrush pada sehelai baju.

CHRISTINA bersama anaknya meneliti ukiran dan cetakan motif Rungus.

CHRISTINA semasa mengukir motif Rungus pada kayu.

SEBAHAGIAN dari seni ukiran yang sedang disiapkan oleh Christina.

AIRBRUSH pada dinding hasil karya Herman.